

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/3/2013

AHAD 10 MAC 2013

MINGGUAN MALAYSIA - MUKA 7

Wawancara

Suluk Sabah bukan Sulu

MUKADIMAH

UM-9/3/2013

PENCEROBOHAN penganas Sulu di Lahad Datu bermula 12 Februari lalu membangkitkan kemarahan rakyat di seluruh negara. Tidak terkecuali ialah masyarakat Suluk Sabah yang menerima tempas daripada insiden itu kerana penganas ialah sebangsa dengan mereka walaupun dikenali sebagai Tausig di Filipina.

Setiausaha Persatuan Rumpun Etnik Suluk Sabah (PRESS), **MOHD. ZAKI HARRY SUSANTO** ketika diwawancara wartawan *Mingguan Malaysia*, **SAIFUL HAIZAN HASAM** di Tawau kelmarin, menegaskan seluruh masyarakat Suluk Sabah berasa amat terhina dengan pencerobohan itu yang dianggapnya suatu tindakan bodoh dan tidak

bertamadun. "Kita dalam era moden ada undang-undang dan tahu sempadan negara," kata bekas Asisten Supritendan Polis (ASP) ini yang pernah mengetuai pasukan pengawal peribadi Perdana Menteri Timor Leste, Xanana Gusmao seawaktu Menteri Misi Bersepadu PBB (UNMIT) pada 2009.



MINGGUAN: Boleh ceritakan sedikit lagi sejarah orang Suluk di Sabah?

MOHD. ZAKI: Kami sudah lama berpapak di sini. Macam keluarga saya sendiri, saya generasi ketiga di Sabah. Arwah datuk datang ke sini pada awal 1930-an dari Pulau Parang di selatan Filipina. Kehadiran orang Suluk ke sini adalah untuk berniaga, namun ada yang berkahwin dengan orang tempatan dan terus menetap sehingga pembentukan Malaysia sekaligus menjadi warganegara secara automatik. Berhikmah pada kisah datuk saya, dia mendarat di kawasan Simpang dan pada masa itu sudah ada perkampungan Suluk di situ. Kemudian mereka berhijrah ke kawasan Haji Mat Tahir, Tawau. Pada masa itu juga sudah ada perkampungan Suluk di situ. Saya tidak berani cakap bila sebenarnya kali pertama orang Suluk mula berhijrah ke sini, apa yang saya faham mereka telah terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan daripada British.

Berapakah jumlah orang Suluk di Sabah dan kawasan tumpuan?

MOHD. ZAKI: Daripada statistik yang pernah saya terima, terdapat lebih 300,000 yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Yang tidak berdaftar seperti mengembara dengan IMM (dokumen pelarian selatan Filipina), yang masuk dengan pasport dan pendatang haram, sukar untuk kita dapat angkanya. Orang Suluk ini bertumpu di Pantai Timur Sabah bermula dari Tawau, Sepompa, Kunak, Lahad Datu, Sandakan dan membawa ke Kudat. Ini adalah kawasan berpantai kerana orang Suluk ini orang laut, pelayar dan pedagang yang baik.

Mengambil kira sejarah orang Suluk yang panjang di Sabah, siapakah tokoh Suluk yang jasanya boleh kita banggakan?

MOHD. ZAKI: Orang yang kami banggakan ialah Allahyarham Tun Datu Mustapha Datu Harun kerana beliau ialah ayah Suluk yang menjadi bapa kemerdekaan kami. Dalam punca itu, beliau ialah Baba Malaysia kerana bersama-sama Allahyarham Tun Muhammad Fuad Stephens membangunkan Sabah yang pada masa itu dikenali sebagai North Borneo dengan Sarawak dan Tanah Melayu untuk menubuhkan Malaysia.

Inilah orang yang paling kami hormati dan kalau disebut orang Suluk bersatu kerana jasa Tun Datu Mustapha, itu kami terima. Kami bukanlah fanatik tetapi beliau ialah tokoh agung orang Suluk yang membawa rahmat kepada kami, barangkali kalau bukan kerana beliau, kami tidak berada di tempat kami sekarang. Orang Suluk bertempatan dan tiada tempat.

Masih relevankah Kesultanan Sulu kepada orang Suluk di Sabah?

MOHD. ZAKI: Yang Dipertua Negeri Sabah sekarang, Tun Juhar Mahiruddin berketurunan Suluk, sebab itu kami kata apa lagi yang mahu dikajak bangsa Suluk dari selatan Filipina? Kami pun ada 'sultan' kami walaupun jawatan beliau ialah Yang Dipertua Negeri. Benar beliau bukan sultan tetapi kedudukannya adalah yang tertinggi dalam Perlembagaan negeri. Secara simbolik kami sudah ada 'sultan', kenapa kami mahu bersutan dengan mereka lagi. Perlu dijelaskan bahawa masyarakat Suluk di Sabah terbahagi kepada beberapa kategori iaitu: warganegara Malaysia, bukan warganegara (pakai pasport), pelarian dan pendatang haram.

Bagi warganegara, saya berani cakap segelintir masih ada yang tak setianya boleh diragui. Walaupun warganegara, mereka ini masih mahu berbalik alik ke

selatan Filipina bertemu saudara mara. Saya pun ada keluarga di sana, saya hormat mereka tapi kesetiiaan itu tidak berubah.

Apapun, majoritinya tetap setia kepada Yang di-Pertuan Agong, Kesultanan Sulu pada mereka sudah tidak relevan, cuma dalam sendang pisang tidak pelik kalau ada sebiji dua yang rosak. Yang rosak inilah yang memburukkan keadaan, mereka inilah jadi musuh dalam selimut. Kita tidak kenal kerana mereka juga orang kita dan untuk tahu isi hati manusia adalah sukar.

Mereka ini turut membantu dalam isu pencerobohan berdarah di Lahad Datu?

MOHD. ZAKI: Saya boleh jamin ada orang tempatan, warganegara Malaysia berbangsa Suluk yang memainkan peranan. Tapi segelintir kecil sahaja, mereka ini sama ada terpaksa kerana diugut atau rela hati. Bagi yang rela hati mungkin mereka terpengaruh dengan janji pihak tertentu.

Bagaimana dengan Suluk warga asing, pelarian dan pendatang haram di Sabah?

MOHD. ZAKI: Saya keadilan, begini saya katakan, keadaan itu terbalik. Ada segelintir daripada mereka mula tunjukkan taat setia kerana sudah lama di sini walaupun bukan warganegara. Saya pasti ada yang menyebelahi kita sebab mereka rasa sudah hidup senang di sini dan rasa adalah lebih baik jadi orang Malaysia. Itulah yang kami selalu beritahu kepada masyarakat, Suluk tempatan jangan disamakan dengan Suluk bukan tempatan. Majoriti Suluk tempatan tidak perlu diragui kesetiiaan.

Sentimen bahawa Sabah ini milik Kesultanan Sulu masih wujud?

MOHD. ZAKI: Saya berikan contoh seorang saudara saya, dia orang Suluk warganegara Malaysia. Seorang anaknya berkahwin dengan keluarga Kiram. Apabila peristiwa Lahad Datu berlaku, dia kata itu okey, bagus kalau Sabah diambil balik oleh Sultan Sulu. Saya tanya kenapa? Dia cakap baguslah sebab kita kan Suluk. Ini negeri kita punya, kalau Sultan Sulu ambil senanglah kita, bangsa kita memerintah.

Saya cakap negeri ini bukan kita punya, bukan milik mana-mana kaum, ini milik bersama. Kalau mahu hidup bersama, buang persepsi itu. Inilah yang saya cakap ada kesetiiaan kepada Sultan Sulu, apatah lagi salah seorang anaknya kahwin dengan keluarga Kiram, kalau Sabah jadi milik Kiram maka dia fikir akan jadi orang penting dalam masyarakat.

Masalahnya ramai sangat yang mengaku jadi Sultan Sulu, adik beradik Kiram pun dua orang yang mengaku.

MOHD. ZAKI: Mentaliti orang Suluk ini tidak ramai orang tahu. Dia tidak suka dipegang, tak suka dikawal, sebaliknya dia mahu memegang, kawal dan jadi ketua. Ini mentaliti secara turun-temurun mengalir. Semangat ini bagus jika digunakan ke arah kebaikan kerana dia boleh jadi pemimpin bagus. Dalam kalangan kita sendiri pun ramai yang jadi Menteri Kabinet Sabah dan wakil rakyat. Mereka ada karisma dan ketokohan tetapi ada sesetengahnya tersalah aliran menyebabkan mereka mahu jadi ketua dengan cara yang salah.

Maka timbul satu keadaan, mereka yang salah aliran ini mahu mendapat perhatian dan kuasa sehingga menabalkan diri sendiri jadi sultan. Pada dasarnya, memang ada ada susur galur Kiram tetapi ada satu susunan keluarga sultan ini yang terputus kerana tiada anak lelaki. Kalau Kiram yang betul sudah habis, yang dakwa dirinya sultan sekarang bukannya daripada

zuriat waris lelaki tetapi perempuan dan ia sudah terluah jauh bercampur aduk.

Dari sudut lain, mungkin sesetengah pihak anggap bangsa Suluk tidak diberi perhatian, dipinggir dan terabai. Jadi ada yang cuba menaikan balik nama Suluk walaupun dengan cara yang tidak betul. Mereka anggap kalau jadi sultan, ada hak menuntut sesuatu termasuk bayaran pajak RM5,300 setahun yang kerajaan kita bayar. Tidak mustahil inilah yang menarik perhatian sehingga ada mengaku sultan. Bagi kita RM5,300 setahun tidaklah besar tetapi di selatan Filipina, jumlah itu besar.

Kalau boleh mengangkat senjata memerangi penganas Sulu pun kami sanggup. Kami mahu berjuang untuk negara walaupun yang ditentang adalah orang yang sebangsa dengan kami

Ramai beranggapan mereka ini diperungut?

MOHD. ZAKI: Saya berani kata elemen diperungut itu wujud berdasarkan pengalaman sendiri. Saya ada pakcik yang merupakan anggota polis di selatan Filipina. Pada November tahun lepas, dia datang menziarahi orang tua saya di Tawau. Bila ditanya, dia bilang datang bersama sultan yang mahu berjumpa seseorang di Kota Kinabalu. Sultan yang mana satu jadi tandatannya kerana tidak didekahkan. Katanya sultan itu ada perbincangan dengan seseorang di Keningau, tetapi saya tidak pasti siapa personaliti di Keningau itu. Mereka masuk melalui Sepompa dan ambil pernangan ke Kota Kinabalu dari Tawau. Bila terjadi peristiwa pencerobohan Lahad Datu, saya fikir perkara ini sudah lama, sudah terancang dan ada pihak tertentu mainkan peranan baik di Sabah dan di sebelah sana.

Saya tidak boleh tuduh sesiapa tetapi dalam laman blog tersebar laporan pertemuan antara individu tertentu. Pada peringkat awal rundingan pun, penganas Sulu di Lahad Datu ada sebut mahu bertemu personaliti tertentu. Sampai sekarang nama itu belum timbul. Siapa personaliti ini, rakyat nak tahu.

Apabila berlaku pendaratan penganas Sulu pada 12 Februari lalu, apa reaksi masyarakat Suluk di Sabah?

MOHD. ZAKI: Segelintir orang Suluk warganegara Malaysia menyokong tetapi majoriti kami tidak suka, menoloi dan kami tidak mahu. Di pihak Suluk yang bukan warganegara, segelintir menolak tetapi ramai yang suka. Mereka yang suka ini bangsa kerana fil Sulu kini berani, sekarang orang kenal bangsa kita. Ini jelas menunjukkan mereka minta perhatian.

Bagi warganegara yang setia?

MOHD. ZAKI: Kami malu sebab bagi kita ia tindakan tidak bertamadun. Kita dalam era moden ada undang-undang dan tahu sempadan negara. Dia main redang sahaja. Rumah kita kalau orang masuk sebarang pun kita marah. Ini rumah kita tetapi dia

datang bawa senjata. Terang-terangan ia tindakan bodoh. Ini sikap orang tidak cukup pelajaran.

Kami orang Suluk warganegara Malaysia rasa amat terhina kerana perbuatan orang lain. Terhina itu kerana walaupun mereka bukan warganegara, mereka juga satu galur keturunan dengan kami. Mereka tidak fikir tentang kami di sini, bagaimana pandangan masyarakat terhadap kami.

Sudahlah selama ini orang Suluk selalu diperlekeh, digelar PTI (pendatang tanpa izin), Patal (pendatang asing tetapi ada IC) dan pilak (hingusan, berpelesenan). Dengan apa yang berlaku, masyarakat akan kata, inilah Suluk, tak boleh diberi muka.

Jadi kita rasa terpinggi untuk tunjukkan taat setia kerana kita sayang negara ini. Malah kalau boleh mengangkat senjata memerangi penganas Sulu pun kami sanggup. Kami mahu berjuang untuk negara walaupun yang ditentang adalah orang yang sebangsa dengan kami.

Tetapi mereka ini berani walaupun tahu risiko tindakan pihak keselamatan.

MOHD. ZAKI: Saya bekas pegawai kanan polis dan pernah bertugas di Kawangan Khas. Walaupun sudah berhenti saya terus bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat. Saya terima maklumat ada di antara penceroboh ini jadi berani dan terluah berani kerana berada di bawah pengaruh syabu. Syabu ini yang buat mereka berani dan lupa diri. Saya berani cakap benda ini. Tiada manusia yang wawas boleh lakukan tindakan sedemikian rupa kalau tiada pengaruh benda lain, dalam kes ini, syabu. Dadah jenis ini boleh didapati dengan mudah di sana.

Ada beranggapan isu pencerobohan di Lahad Datu tidak akan terhenti kerana sikap dendam orang Suluk.

MOHD. ZAKI: Kelelahan orang Suluk adalah dendamnya. Saya difahamkan oleh keluar di selatan Filipina, kalau berlaku satu pembunuhan, dendamnya membara dan mereka bertindak balas. Katakannya mereka A bunuh ahli keluarga B, keluarga B akan balas dengan bunuh anggota keluarga A balik dan keluarga A akan balas. Tidak beres sudahlah kalau begini. Sepatutnya kita belajar melupakan dendam dengan memberi kemaafan. Ini pegangan saya dan inilah pesan paling berguna yang saya pernah terima daripada Xanana Gusmao sepanjang menjadi pengawal peribadinya. Gusmao seorang pejuang di Timor Leste, ahli keluarganya dibunuh dan ditogol di depan mata tetapi dia ketepukan soal dendam sebaliknya memberikan kemaafan.

Apa pandangan saudara mengenai Kawasan Keselamatan Khas (SSA) yang diumumkan Perdana Menteri?

MOHD. ZAKI: Sangat baik, inilah yang kami nakkan sejak sekian lama. Saya anak Tawau. Lahir, membesar, bersekolah dan kahwin di sini. Kawalan Pantai Timur Sabah agak longgar. Kita akui geografi Sabah mencabar dengan pantai lebih 1,440 km, sempadan darat lebih 300 km, pulau 180 lebih dengan lebih 70 berpuluh.

Jadi saya harap pembangkang jangan pertikai tindakan kerajaan membeli aset pertahanan kerana ini untuk kebaikan kami di Sabah. Sebab di sini kita bukan hanya bersempadan dengan Filipina bahkan dengan Indonesia. Kita kena ingat bahawa pencerobohan pertama selepas pembentukan Malaysia ialah di Kalabakan, Indonesia melancarkan Ganyang Malaysia.

Apa reaksi orang Suluk Sabah apabila kerajaan melancarkan operasi ketenteraan terhadap penganas Sulu?

MOHD. ZAKI: Kita bersyukur kerana ia

buktikan kerajaan mengutamakan keselamatan kami. Kita tertunggu-tunggu sebab bagi kami, pendekatan diplomasi itu ada hadnya, jangan terlampaui lama.

Tawaran supaya balik dengan aman telah dibuat. Kita telah bagi peluang, bukannya mereka mendarat terus diserang. Jadi tindakan kerajaan adalah tepat supaya mereka nyah dari bumi kita.

Tetapi ada bantahan kumpulan tertentu di Filipina kononnya kita kejam?

MOHD. ZAKI: Mereka ini barangkali tidak baca berita. Mereka tidak tahukah kekejaman penganas Sulu kepada pasukan keselamatan kita. Mereka yang memulakannya dahulu. Siapa yang mencari pasal di tempat kita. Itupun mereka dikira bernasib baik kerana Perdana Menteri kita sabar dan teliti dalam tindakannya, baik hati kerana memikirkan pihak di sebelah sana juga orang Islam.

Apa usaha masyarakat Suluk Sabah dalam menyelesaikan isu Lahad Datu?

MOHD. ZAKI: Sebenarnya kami berbahagi tugas, ada yang dihantar jumpa penceroboh malah ada yang bertemu Jamalul Kiram sendiri di Filipina. Datuk Amir Kabir Tun Datu Mustapha dan isteri sudah ke sana untuk berunding di Manila, minta penganas keluar cara baik tetapi mereka enggan terima.

Ada desas-desus nama Op Sulu melukakan hati masyarakat Suluk Sabah?

MOHD. ZAKI: Kita tidak ambil kisah nama itu, kami Suluk bukannya Sulu. Kalau tahu operasi itu fokusnya kepada penganas dan pada kepulauan Sulu. Penarikan nama kepada Op Datu itu juga kita faham kerana ia untuk mendaulatkan undang-undang dan negara kita.

Kita lihat ada ahli politik yang celupar apabila mengulas mengenai pencerobohan berdarah di Lahad Datu?

MOHD. ZAKI: Bila Tian Chua cakap ini sandiwara, saya fikir pemikirannya jauh terpesong. Segalanya-galanya kerana ideologi politik berbeza. Mikah contoh untuk generasi muda Malaysia? Janglah dihinakan pengorbanan pasukan keselamatan, kalau ini berlaku kepada saudara sendiri, barulah kena batang hidung. Di kala kita tidur nyenyak dengan anak bini di depan mata, makan pun enak, mereka tidur di? Tetapi mereka tidak merungut dan sanggup pertahankan kedaulatan negara kerana itu amanah yang digalas di bahu.

Apa yang mendorong masyarakat Suluk menyatakan kerat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan negara dalam pertemuan bersama Perdana Menteri?

MOHD. ZAKI: Dalam media maya khasnya Facebook, sudah wujud satu sentimen membenci orang Suluk. Malah ada yang mewujudkan kumpulan Facebook mengancam kami. Kita tengah kenal pasti individu belakang tajir kumpulan ini untuk lakukan tindakan disamaratakan. Dia tidak ambil kira Suluk tempatan atau Suluk pendatang, yang disebut ialah Suluk. Walaupun niatnya untuk merujuk Suluk di selatan Filipina, tetapi kami di sini Suluk juga. Kita terasa apabila ada yang sebut Suluk sahaja, dikaitkan dengan penjahat.

Jadi kita mahu membetulkan persepsi ini. Kami terhitung budi dan berterima kasih kepada Perdana Menteri yang amat memahami. Dalam pertemuan itu ditegaskan bahawa beliau tidak pernah ragui kesetiiaan orang Suluk warganegara Malaysia di Sabah, beliau tahu kami taat dan setia kepada negara.